

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.10.2016

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Bank baru yang menjadi “custodian bank” kepada “unit” yang bernilai RM940 juta yang dimiliki oleh Brazen Sky Limited, yang sebelum ini diuruskan oleh BSI Bank, Singapura yang telah ditarik lesen perbankan mereka. Apakah nilai semasa pelaburan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Unit dana milik Brazen Sky Limited (anak syarikat milik penuh 1MDB) adalah diurus oleh pengurus dana. Fungsi pengurus dana ini adalah

berlainan daripada fungsi *custodian bank* (dengan izin), yang antara lain, menjadi perantara. Ahli Lembaga Pengarah Brazen Sky Limited mengesahkan bahawa sebuah bank berlesen antarabangsa telah diberi mandat sebagai *custodian bank* (dengan izin) untuk mengambilalih peranan BSI Bank, Singapura.

Ahli Lembaga Pengarah Brazen Sky Limited juga telah melaporkan bahawa tiada perubahan status di dalam nilai pelaburan tersebut.